


**UNTUK SIARAN SEGERA**



**PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

## **KENYATAAN MEDIA**

### **PENGAKTIFAN SEMULA MAJLIS MENTERI WILAYAH**

Hari ini saya telah mempengerusikan Majlis Menteri Wilayah Bilangan 1 Tahun 2024 yang terakhir dilaksanakan pada tahun 2019. Mesyuarat ini akan dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) dan dianggotai oleh semua Ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan wakil-wakil dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Mesyuarat ini berfungsi untuk menyalurkan input dalam merancang dan menggubal dasar serta strategi pembangunan di Kuala Lumpur. Selain itu, mesyuarat ini juga akan menjadi platform untuk menyelesaikan isu-isu dasar berdasarkan pelaporan perkara-perkara yang telah diputuskan pada Mesyuarat Konsultasi Datuk Bandar Kuala Lumpur Bersama Ahli Parlimen Kuala Lumpur. Dalam mesyuarat yang berlangsung sebentar tadi, terdapat sembilan (9) isu dasar yang menjadi tumpuan dibincangkan dan akan diambil tindakan.

Mesyuarat ini akan diadakan setiap tiga (3) bulan sebagai langkah berterusan dalam menangani perkembangan dan keperluan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, selain akan memainkan peranan yang penting dalam memastikan setiap keputusan dan langkah strategik adalah berasaskan keperluan semasa dan mengambil kira harapan rakyat di Kuala Lumpur.

**DR. ZALIHA MUSTAFA**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**9 JANUARI 2024**